



## **SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **ENAM KES TANGKAPAN PENJUALAN DAN PEMILIKAN BARANG TEGAHAN KASTAM DI MUKIM GADONG, MUKIM SENGKURONG, KAMPONG LUGU, KAMPONG BUKIT BERUANG DAN PERAIRAN SUNGAI BRUNEI**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan enam gerakan operasi kesemuanya pada 14hb, 15hb dan 20hb November 2021. Gerakan-gerakan operasi tersebut adalah berdasarkan maklumat yang diterima daripada orang awam berkaitan dengan penjualan dan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam.
2. Hasil gerakan operasi pertama yang telah dijalankan pada hari Ahad, 14hb November di kawasan letak kereta Bangunan Low San, Jalan Kota Batu Bersurat, JKED telah berjaya menahan 2 orang lelaki warganegara tempatan berumur 27 dan 32 tahun yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 18 katon, 12 paket dan 21 batang rokok pelbagai jenis. Seorang daripada tahanan tersebut bertugas sebagai pengawal keselamatan di salah sebuah syarikat pengawal keselamatan.
3. Pada hari yang sama, hasil gerakan operasi kedua pula yang telah dijalankan di kawasan letak kereta Bangunan Al Barakah Complex, JKED telah berjaya menahan 2 orang lelaki warganegara tempatan berumur 23 dan 29 tahun yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 111 katon, 7 paket, 17 batang rokok pelbagai jenis dan 1 botol minuman keras; serta sebuah kenderaan dan wang tunai berjumlah BND\$1,385.00 yang dipercayai hasil daripada jualan barang-barang tegahan Kastam.
4. Seterusnya pada hari Isnin, 15hb November 2021, hasil gerakan operasi ketiga yang telah dijalankan di perumahan Kampong Lugu , JKED telah berjaya menahan 2 orang lelaki dan 2 orang perempuan warganegara tempatan berumur dalam lingkungan 32 hingga 41 tahun yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 6 katon dan 10 paket rokok pelbagai jenis, 1 botol minuman keras, 889 pelbagai jenis mod dan pod vape, 236 botol perisa jus vape serta 259 pelbagai jenis barang aksesori vape; pelbagai jenis barang am lain seperti barang kosmetik serta produk-produk kecantikan, kesihatan dan makanan yang dipercayai diseludup masuk ke Negara Brunei Darussalam.
5. Manakala bagi gerakan operasi keempat, kelima dan keenam telah dijalankan pada hari Sabtu, 20hb November 2021. Hasil gerakan operasi keempat iaitu pemeriksaan sebuah rumah di perumahan Kampong Bukit Beruang, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warga asing berumur 38 tahun yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 9 katon dan 17 paket rokok pelbagai jenis.

6. Manakala hasil gerakan operasi kelima iaitu pemeriksaan sebuah rumah pekerja di Kampong Menglait, Gadong, JKED telah berjaya menahan 5 orang lelaki warga asing berumur lingkungan 22 hingga 46 tahun yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 94 katon, 22 paket dan 51 batang rokok pelbagai jenis; serta wang tunai berjumlah \$1663.00 yang dipercayai hasil daripada jualan barang-barang tegahan Kastam.
7. Seterusnya gerakan operasi keenam iaitu di kawasan perairan sungai Brunei, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warga Malaysia yang dipercayai memiliki barang-barang tegahan Kastam iaitu 1800 katon rokok. JKED juga telah menahan sebuah perahu ukuran 23 kaki bersama engine 150hp.
8. Kesemua barang terbabit telah dirampas dan kesemua individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang JKED untuk siasatan lanjut.
9. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara yang berkuatkuasa pada masa ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan dan juga larangan tanpa sebarang kebenaran daripada agensi-agensi berkepentingan yang mengawal barang-barang tersebut. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
10. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tarikh: 24hb November 2021  
RUJ KES KASTAM: ENF/PR/27/2021**


**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN GERAKAN OPERASI PERTAMA**



## GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN GERAKAN OPERASI KEDUA



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN OPERASI KETIGA**



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN OPERASI KEEMPAT



GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN OPERASI KELIMA



**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN OPERASI KEENAM  
DIKAWASAN PERAIRAN SUNGAI BRUNEI**

